

Buku Panduan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

KANDUNGAN



2	PENGENALAN
3	SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS
9	KEAHLIAN
11	PERLINDUNGAN
11	<i>Siapa yang dilindungi</i>
12	<i>Had-had dan skop perlindungan</i>
17	<i>Penggabungan atau pengambilalihan ahli penginsurans</i>
18	PEMBIAYAAN
20	PEMBAYARAN KEPADA PEMILIK SIJIL TAKAFUL DAN POLISI INSURANS
23	GLOSARI ISTILAH BERGUNA
27	MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI

PENGENALAN

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans merupakan suatu sistem perlindungan konsumen kewangan yang ditadbir oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Sebagai sebahagian daripada suatu pakej perlindungan konsumen kewangan yang diperkuuh susulan enakmen Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM), sistem ini dilaksanakan pada 31 Disember 2010 untuk menyediakan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans perlindungan eksplisit terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat mereka sekiranya ahli penginsurans gagal dan tidak dapat memenuhi pembayaran manfaat takaful dan insurans. Sistem ini juga memberi manfaat kepada industri takaful dan insurans untuk mempunyai daya saing sama rata dengan industri perbankan, yang sudahpun dilindungi oleh Sistem Insurans Deposit.

Industri takaful dan insurans merupakan bahagian penting dalam sistem kewangan dan pengenalan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans adalah sejarar dengan perkembangan antarabangsa. Banyak negara di Eropah dan Asia telahpun melaksanakan skim pampasan insurans dalam pelbagai bentuk untuk melindungi pemilik polisi, termasuk United Kingdom, Perancis, Jerman, Sepanyol, Korea dan Jepun. Amerika Syarikat dan Kanada juga mempunyai skim yang serupa.

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans direkabentuk khusus bagi memenuhi keperluan rakyat Malaysia. Antara ciri-ciri uniknya ialah perlindungan untuk kedua-dua manfaat takaful dan insurans di bawah satu organisasi. Sejajar dengan mandatnya yang diperluaskan, PIDM mentadbir kedua-dua Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan Sistem Insurans Deposit dengan efektif dan efisien bagi memupuk keyakinan awam terhadap sistem kewangan negara. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans juga ditadbir dengan cara yang menggalak pengurusan risiko wajar dalam kalangan pengendali takaful dan syarikat insurans.

SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS DI MALAYSIA

1. Apakah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans?

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans merupakan suatu sistem yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans daripada kehilangan manfaat takaful dan insurans mereka sekiranya ahli penginsurans¹ gagal dan tidak dapat memenuhi pembayaran manfaat takaful dan insurans. Sistem ini telah diperkenalkan di Malaysia pada 31 Disember 2010 dan ditadbir oleh PIDM.

2. Apakah PIDM?

PIDM ialah agensi Kerajaan yang ditubuhkan pada 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM). PIDM mentadbir dua sistem perlindungan konsumen kewangan iaitu Sistem Insurans Deposit untuk melindungi pendeposit bank dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans untuk melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans. PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan serta memperkuuh dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan Malaysia.

Untuk butiran lanjut mengenai PIDM dan perlindungan Sistem Insurans Deposit, sila rujuk laman web PIDM melalui www.pidm.gov.my.

¹ Lihat bahagian "Keahlian" dalam Buku Panduan ini.



3. Apakah mandat PIDM?

- (a) Mentadbir dua sistem perlindungan konsumen kewangan – Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans;
- (b) Menyediakan perlindungan terhadap kehilangan simpanan di bank ahli; dan kehilangan manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans;
- (c) Menyediakan incentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- (d) Menggalakkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

4. Apakah fungsi utama PIDM?

- Mentadbir dua sistem perlindungan konsumen kewangan – Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans;
- Menaksir dan mengumpul premium atau levi daripada institusi ahli yang merangkumi bank, serta pengendali takaful dan syarikat insurans.
- Mengurus enam kumpulan dana yang berasingan dan berbeza – dua bagi insurans deposit dan empat bagi perlindungan manfaat takaful dan insurans.
- Mengendali resolusi sesebuah institusi ahli yang tidak berdaya maju.
- Membuat pembayaran balik simpanan bank yang dilindungi kepada pendeposit sekiranya sesebuah bank ahli menjadi muflis atau membuat pembayaran kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans bagi manfaat dilindungi yang layak sekiranya sesebuah ahli penginsurans menjadi muflis.
- Mematuhi prinsip-prinsip Syariah berkenaan kumpulan dana deposit Islam dan perlindungan takaful.
- Melaksana inisiatif kesedaran awam dan pendidikan bagi meningkatkan pemahaman mengenai Sistem Insurans Deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta peranan PIDM.

5. Siapa yang mentadbir PIDM?

PIDM ditadbir oleh Lembaga Pengarah yang dilantik daripada sektor awam dan swasta dan diketuai oleh seorang Pengerusi bukan eksekutif. Dua ahli lembaga adalah ex officio, iaitu Gabenor Bank Negara dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Pengerusi dan semua ahli bukan ex officio dilantik oleh Menteri Kewangan.

Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab bagi pengurusan operasi harian PIDM. Peranan pengurusan Ketua Pegawai Eksekutif disokong oleh Ketua Pegawai Operasi dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif yang diwakili oleh Ketua-Ketua Bahagian dalam PIDM.

Maklumat lanjut mengenai tadbir urus PIDM boleh didapati melalui www.pidm.gov.my.



6. Apabila kelebihan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans?

- PIDM menyediakan perlindungan eksplisit bagi pemilik sijil takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan manfaat takaful atau insurans yang layak sekiranya sesbuah ahli penginsurans mengalami kegagalan.
- Perlindungan disediakan secara automatik dan tiada pembayaran diperlukan.
- Tiada caj dikenakan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans.
- Sekiranya sesbuah ahli penginsurans menjadi muflis, PIDM akan membuat pembayaran bagi manfaat takaful dan insurans yang layak. Sebagai alternatif, PIDM mungkin mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan kesinambungan perlindungan bagi pemilik sijil atau polisi dengan memindahkan sijil takaful atau polisi insurans kepada ahli penginsurans yang lain.

7. Apakah kelebihan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans kepada sistem kewangan?

- Memperkuuhkeyakinan orang awam terhadap sistem kewangan Malaysia dengan melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan manfaat mereka.
- Mengukuhkan dan melengkapkan rangka kerja kawal selia dan penyeliaan yang sedia ada dengan menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan.
- Meminimumkan kos kepada sistem kewangan dengan mengenal pasti kos terendah bagi mengendalikan resolusi ahli penginsurans yang tidak berdaya maju.
- Menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan menerusi pengendalian resolusi ahli penginsurans yang tidak berdaya maju dengan segera.

8. Dengan pelaksanaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, apakah perbezaan antara peranan PIDM dengan Bank Negara Malaysia (BNM)?

BNM ialah pengawal selia utama sistem kewangan dan terus bertanggungjawab bagi mengekalkan kestabilan sistem kewangan. PIDM bekerjasama rapat dengan BNM dan melengkapkan peranan BNM dalam menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dengan mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan menggalakkan pengurusan risiko berhemat oleh ahli penginsurans.

Hubungan kerja PIDM dimandatkan dalam Akta PIDM dan diperincikan dalam Perjanjian Perikatan Strategik. Perkongsian PIDM dengan BNM memastikan pertukaran maklumat mengenai institusi ahli tepat pada masa dan kerjasama dalam semua aktiviti penting.

KEAHLIAN

9. Bagaimana PIDM menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan?

PIDM melengkapkan rangka kerja pengawalseliaan sedia ada dengan menyediakan insentif kepada ahli penginsurans untuk melaksanakan amalan pengurusan risiko wajar wajar. PIDM diberi kuasa dengan pelbagai instrumen perundungan yang meluas bagi membolehkan intervensi lebih awal dijalankan untuk mengurangkan atau mengelakkan kerugian kepada sistem kewangan.

Di bawah Akta PIDM, kuasa intervensi dan resolusi PIDM adalah meluas dan termasuk kuasa untuk memperoleh aset daripada ahli penginsurans, membuat pinjaman atau pendahuluan kepada ahli penginsurans (kecuali bagi tujuan penyediaan bantuan likuiditi), memperoleh saham ahli penginsurans dan mengambil semua tindakan yang perlu untuk mengurangkan kos kegagalan kepada sistem kewangan. Sebaik sahaja BNM memaklumkan kepada PIDM bahawa sesebuah ahli penginsurans tidak lagi berdaya maju, PIDM mempunyai bidang kuasa lain, termasuk kuasa untuk mengambil alih kawalan ahli penginsurans, menubuhkan institusi perantaraan dan menstruktur semula atau membubarkan ahli penginsurans untuk melaksanakan resolusi kos terendah dan boleh memindahkan sijil takaful atau polisi insurans ahli penginsurans tersebut kepada ahli penginsurans lain yang kukuh.

1. Pengendali takaful dan syarikat insurans yang manakah merupakan ahli penginsurans PIDM?

Ahli Penginsurans PIDM ialah semua pengendali takaful berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) bagi menjalankan perniagaan takaful keluarga atau am di Malaysia serta syarikat insurans berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) bagi menjalankan perniagaan insurans hayat atau am di Malaysia.

Keahlian adalah wajib seperti diperuntukkan di bawah Akta PIDM.

2. Bagaimana anda mengenal pasti ahli penginsurans PIDM?

Senarai ahli penginsurans PIDM boleh didapati melalui laman web PIDM www.pidm.gov.my atau hubungi PIDM di talian 1-800-88-1266.

Semua ahli penginsurans dikehendaki mempamerkan logo atau tanda keahlian ini di pintu masuk utama pejabat mereka.



PERLINDUNGAN

3. Apakah institusi-institusi yang bukan ahli penginsurans PIDM?

Institusi-institusi berikut yang bukan ahli penginsurans PIDM termasuk:

- Syarikat insurans semula dan pengendali takaful semula
- Pengendali takaful antarabangsa berlesen di bawah IFSA
- Syarikat insurans jaminan kewangan seperti Danajamin Nasional Berhad
- Pengendali takaful dan syarikat insurans luar pesisir atau Labuan
- Peserta industri insurans yang lain, seperti broker insurans dan pelaras insurans

Siapa yang dilindungi

1. Adakah perlindungan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans disediakan kepada semua pemilik sijil takaful dan polisi insurans?

Ya, semua pemilik sijil takaful dan polisi insurans layak mendapat perlindungan di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans sekiranya sijil takaful atau polisi insurans mereka dikeluarkan di Malaysia oleh sesebuah ahli penginsurans dan dalam nilai Ringgit Malaysia.

Sila rujuk Jadual 1 di bawah “Had-had dan skop perlindungan” dalam Buku Panduan ini bagi maklumat terperinci.

2. Adakah pemilik sijil takaful dan polisi insurans perlu memohon atau mendaftar bagi mendapatkan perlindungan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans?

Tidak, mereka tidak perlu memohon atau mendaftar. Mereka dilindungi secara automatik bagi manfaat takaful dan insurans yang layak.



Had-had dan skop perlindungan

1. Manfaat takaful dan insurans yang manakah dilindungi di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans? Apakah had-had dan skop perlindungan yang disediakan di bawah sistem ini?

Manfaat takaful dan insurans yang dilindungi di bawah sistem ini dan had-had berkaitannya dinyatakan di Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Manfaat Takaful atau Insurans yang dilindungi dan had-had berkaitan

JADUAL 1	
TAKAFUL KELUARGA / INSURANS HAYAT	
Manfaat Dilindungi	Had Perlindungan Maksimum (Polisi/Pelan Individu atau Kumpulan)
Kematian dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada kematian	RM500,000
Ketidakupayaan dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada ketidakupayaan	RM500,000
Penyakit dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada penyakit	RM500,000
Kematangan dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada kematangan*	RM500,000
Serahan dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada serahan*	RM500,000
Pendapatan*	RM500,000
Penjagaan kesihatan	100% amaun kena dibayar
Kerugian kewangan	RM500,000
Nilai sijil takaful keluarga itu atau nilai polisi hayat itu	RM500,000 bagi satu atau lebih sijil takaful keluarga atau polisi hayat

JADUAL 1	
TAKAFUL KELUARGA / INSURANS HAYAT	
Manfaat Dilindungi	Had Perlindungan Maksimum (Polisi/Pelan Individu atau Kumpulan)
Sumbangan atau premium prabayar boleh dibayar balik	Bagi sijil takaful atau polisi insurans perubatan dan kesihatan - 100% amaun prabayar
Kehilangan atau kerosakan pada harta dan kerugian berbangkit	Bagi sijil takaful atau polisi insurans yang dikehendaki di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Pampasan Pekerja 1952 – 100% amaun prabayar
Kehilangan atau kerosakan pada harta mana-mana pihak ketiga dan kerugian berbangkit	Bagi sijil takaful atau polisi insurans yang lain – RM500,000 bagi setiap sijil takaful atau polisi insurans
Kematian mana-mana pihak ketiga dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada kematian	RM500,000 bagi setiap harta
Ketidakupayaan mana-mana pihak ketiga dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada ketidakupayaan	RM500,000 bagi setiap harta
Penyakit mana-mana pihak ketiga dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada penyakit	RM500,000 bagi setiap harta
Kecederaan mana-mana pihak ketiga dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada kecederaan	RM500,000 bagi setiap harta
Penjagaan kesihatan mana-mana pihak ketiga	100% amaun kena dibayar
Kerugian kewangan mana-mana pihak ketiga	RM500,000 bagi setiap harta

* Manfaat kematangan, serahan dan pendapatan dibayar daripada bahagian unit sijil takaful atau polisi insurans berkaitan pelaburan tidak dilindungi di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.



2. Apakah jenis manfaat takaful dan insurans yang tidak dilindungi di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans?

Manfaat takaful atau insurans yang tidak dilindungi di bawah sistem ini termasuklah manfaat di bawah sijil takaful dan polisi insurans dalam mata wang asing, serta manfaat kematangan, serahan dan pendapatan yang dibayar daripada bahagian unit sijil atau polisi berkaitan pelaburan. Bagaimanapun, manfaat nasib malang (seperti manfaat kematian) yang dibayar daripada bahagian unit sijil atau polisi berkaitan pelaburan adalah dilindungi di bawah sistem ini.

3. Bagaimana had-had dan skop perlindungan ditetapkan?

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dibentuk bagi melindungi majoriti pemilik sijil takaful dan insurans. Berdasarkan had-had dan skop perlindungan yang ditetapkan, sekurang-sekurangnya 96% daripada semua pemilik sijil takaful dan polisi insurans akan dilindungi sepenuhnya. Tahap perlindungan di bawah sistem ini adalah selaras dengan tahap perlindungan di bawah Sistem Insurans Deposit.

4. Sekiranya saya memiliki sijil atau polisi individu, adakah manfaat sijil atau polisi kumpulan dilindungi secara berasingan di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans?

Ya. Manfaat yang dilindungi di bawah sijil atau polisi individu dan sijil atau polisi kumpulan akan dikira secara berasingan dalam menentukan had perlindungan maksimum. Ini membolehkan pemilik sijil dan polisi menikmati lebih banyak perlindungan.

5. Jika saya membeli sijil takaful atau polisi insurans dengan manfaat yang sama daripada beberapa ahli penginsurans, adakah semua manfaat takaful atau insurans saya akan dijumlahkan bagi tujuan menentukan perlindungan saya di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans?

Tidak. Manfaat takaful dan insurans yang sama dengan ahli penginsurans berbeza dilindungi secara berasingan.

6. Dalam keadaan bagaimakah manfaat di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans diagregat?

Manfaat yang dilindungi di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans akan diagregat sekiranya berkaitan dengan “ahli penginsurans yang sama, risiko kejadian yang sama, hayat diinsuranskan atau harta diinsuranskan yang sama, dan pemilik sijil takaful atau polisi insurans yang sama”.

Contoh

Encik Lim bekerja dengan Troton Bhd dan diinsuranskan di bawah polisi Bertempoh Berkelompok majikannya sehingga RM200,000. Beliau juga mempunyai polisi Seumur Hidup dan polisi Endowmen bagi dirinya sendiri (jumlah diinsuranskan sebanyak RM300,000 di bawah setiap polisi). Semua polisi dibeli daripada XYZ Insurance Bhd. Pada Januari 2021, beliau meninggal dunia dalam satu kemalangan.

	Polisi Bertempoh Berkelompok	Polisi Seumur Hidup	Polisi Endowmen
Pemilik polisi	Troton Bhd.	Encik Lim	Encik Lim
Ahli Penginsurans	XYZ Insurance Bhd.	XYZ Insurance Bhd.	XYZ Insurance Bhd.
Risiko Kejadian	Kematian	Kematian	Kematian
Hayat Diinsuranskan	Encik Lim	Encik Lim	Encik Lim
Peraturan pengagregatan diguna pakai?	TIDAK	Akan dijumlahkan berdasarkan “pemilik polisi yang sama, ahli penginsurans yang sama, risiko kejadian yang sama dan hayat diinsuranskan yang sama.”	

POLISI	JUMLAH DIINSURANSKAN	AMAUN DILINDUNG DI BAWAH SISTEM INI
Polisi Bertempoh Berkelompok	RM200,000	RM200,000
Polisi Seumur Hidup	RM300,000	Dihadkan pada RM500,000
Polisi Endowmen	RM300,000	



7. Bagaimana saya boleh mengetahui apa yang dilindungi di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans sekiranya saya membeli beberapa sijil takaful keluarga atau polisi insurans hayat bagi diri saya sendiri dan ahli keluarga saya?

Setiap hayat diinsuranskan dilindungi secara berasingan. Ini bermakna sekiranya anda membeli beberapa sijil takaful atau polisi insurans bagi ahli keluarga berlainan daripada ahli penginsurans yang sama, anda akan dilindungi berdasarkan ahli keluarga individu anda yang diinsuranskan.

Contoh

Encik Tan dan isterinya Puan Tan membeli beberapa polisi insurans hayat bagi ahli keluarga mereka daripada ahli penginsurans yang sama.

Pemilik Polisi: Encik Tan		Pemilik Polisi: Puan Tan	
Hayat diinsuranskan	Amaun diinsuranskan	Hayat diinsuranskan	Amaun diinsuranskan
Polisi 1 – Anak Lelaki (Adam)	RM200,000	Polisi 4 – Anak Lelaki (Adam)	RM100,000
Polisi 2 – Anak Perempuan (Alice)	RM150,000	Polisi 5 – Anak Lelaki (Adam)	RM50,000
Polisi 3 - Encik Tan	RM600,000	Polisi 6 - Puan Tan	RM400,000

Senario 1: Kematian Adam

Amaun boleh dituntut di bawah polisi-polisi Encik Tan	RM200,000 (Polisi 1)
Amaun boleh dituntut di bawah polisi-polisi Puan Tan (RM100,000 + RM50,000)	RM150,000 (Polisi 4 dan 5)
Jumlah amaun boleh dituntut di bawah sistem	RM350,000

Senario 2: Kematian Encik Tan

Amaun boleh dituntut di bawah polisi-polisi Encik Tan	RM600,000 (Polisi 3)
Jumlah amaun boleh dituntut di bawah sistem	RM500,000*

* Had maksimum di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

8. Bolehkan saya membeli insurans tambahan untuk mendapatkan lebih perlindungan bagi manfaat takaful atau insurans saya?

Tidak. Perlindungan bagi manfaat takaful dan insurans di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insuransi bukan seperti sijil takaful atau polisi insurans komersial yang boleh dibeli. Perlindungan ini disediakan oleh Kerajaan menerusi PIDM. Anda tidak perlu mendaftar atau memohon bagi perlindungan di bawah sistem ini kerana perlindungan ini disediakan secara automatik bagi manfaat takaful atau insurans yang layak.

Penggabungan atau pengambilalihan ahli penginsurans

1. Apakah yang akan berlaku kepada sijil takaful atau polisi insurans saya sekiranya dua ahli penginsurans bergabung, atau jika sesebuah ahli penginsurans diambil alih oleh ahli penginsurans lain?

Manfaat takaful atau insurans akan terus dilindungi secara berasingan sehingga ahli penginsurans memenuhi semua kewajipan, termasuk pembayaran apabila berlakunya peristiwa tuntutan, kematangan atau serahan sijil takaful atau polisi insurans.

PEMBIAYAAN

1. Bagaimana PIDM dibiayai?

PIDM dibiayai oleh premium dan levi tahunan yang dibayar oleh institusi ahli. Institusi ahli dilarang untuk memindahkan premium atau levi yang perlu dibayar kepada PIDM kepada pelanggan mereka. Oleh itu, tiada kos langsung kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans untuk perlindungan di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan mereka tidak perlu membayar bagi perlindungan ini. Sekiranya PIDM dikehendaki membuat pembayaran tuntutan, dana PIDM akan digunakan untuk membayar pemilik sijil dan polisi bagi manfaat takaful atau insurans mereka yang dilindungi di bawah sistem ini.

2. Bagaimana levi dikira?

Levi tahunan dikira dengan mendarabkan liabiliti penilaian aktuari atau jumlah caruman bersih atau premium bersih dengan kadar levi terpakai yang ditentukan di bawah Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza (DSL) atau Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful (DLST).

Kadar levi yang ditetapkan untuk ahli penginsurans di bawah Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza atau Sistem Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful adalah berdasarkan kepada profil risiko ahli penginsurans. Ahli penginsurans dengan profil risiko lebih tinggi akan tertakluk kepada kadar levi lebih tinggi berbanding dengan ahli penginsurans dengan profil risiko lebih rendah.

Bagi penjelasan lebih lanjut, sila rujuk kepada "Garis Panduan Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza bagi Syarikat Penginsurans" dan "Garis Panduan Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful" yang boleh diperoleh melalui laman web PIDM (www.pidm.gov.my).

3. Bilakah ahli penginsurans membayar levi tahunan?

Ahli penginsurans akan membayar levi tahunan mereka pada 31 Mei setiap tahun taksiran.

4. Apakah yang berlaku kepada levi yang dibayar oleh ahli penginsurans?

Levi yang dibayar oleh ahli penginsurans digunakan untuk membiayai operasi PIDM atau membina rizab bagi memenuhi kewajipan masa depan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans.

Oleh kerana sistem ini melindungi kedua-dua manfaat takaful dan insurans, PIDM menyenggara dan mentadbir empat kumpulan dana bagi sistem ini secara berasingan:

- Dana Perlindungan Takaful Keluarga
- Dana Perlindungan Insurans Hayat
- Dana Perlindungan Takaful Am
- Dana Perlindungan Insurans Am

5. Bagaimana dana lebihan dilaburkan?

Dana lebihan dikumpul untuk membina rizab bagi memenuhi kewajipan masa depan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans. Objektif polisi pelaburan PIDM adalah untuk mencapai modal terpelihara dan mengekalkan dana untuk memenuhi kewajipan masa depan.

Polisi pelaburan semasa PIDM adalah selaras dengan keperluan Akta PIDM dan kami membuat pelaburan terutamanya dalam sekuriti Kerajaan atau Bank Negara Malaysia (BNM) dalam mata wang Ringgit berjangka pendek yang mempunyai tempoh matang berbeza. Pelaburan yang dibuat daripada Dana Perlindungan Takaful Keluarga dan Dana Perlindungan Takaful Am diuruskan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

PEMBAYARAN KEPADA PEMILIK SIJIL TAKAFUL DAN POLISI INSURANS

1. Apakah yang berlaku kepada manfaat takaful atau insurans yang dilindungi sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans?

Sekiranya sesebuah ahli penginsurans gagal dan tidak dapat memenuhi pembayaran manfaat takaful atau insurans di bawah sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, PIDM akan membuat pembayaran bagi manfaat yang dilindungi kepada pemilik sijil atau polisi. PIDM juga boleh mengatur untuk memindahkan sijil takaful atau polisi insurans daripada ahli penginsurans yang gagal kepada ahli penginsurans lain bagi memastikan kesinambungan perlindungan kepada pemilik sijil takaful atau polisi insurans.

2. Dalam keadaan apakah pembayaran dibuat kepada pemilik sijil takaful atau polisi insurans?

Sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans yang mengkehendaki pembayaran bagi manfaat yang dilindungi, PIDM akan membuat pembayaran kepada pemilik sijil takaful atau polisi insurans apabila berlakunya peristiwa tuntutan, kematangan atau serahan sijil takaful atau polisi insurans dengan syarat tuntutan itu dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan, di bawah keadaan-keadaan berikut:

- **Pembayaran wajib** – Jika perintah penggulungan telah dibuat berkenaan dengan sesebuah ahli penginsurans, PIDM akan membuat pembayaran bagi manfaat yang dilindungi.
- **Pembayaran budi bicara** – dengan kelulusan Menteri Kewangan, jika:
 - (i) Ahli penginsurans yang mengeluarkan sijil atau polisi tidak dapat membuat pembayaran bagi manfaat yang dilindungi disebabkan:
 - perintah mahkamah;
 - satu tindakan diambil oleh badan pengawal selia atau PIDM; atau
 - satu tindakan diambil oleh pentadbir dan/atau pengurus harta ketika ahli penginsurans berada di bawah pentadbir harta milik;
 - (ii) Satu petisyen bagi penggulungan ahli penginsurans dikemukakan kepada mahkamah; atau
 - (iii) Keahlian ahli sebagai ahli penginsurans PIDM telah dibatalkan atau ditamatkan.

3. Daripada kumpulan dana yang manakah pembayaran akan dibuat?

Pembayaran bagi manfaat insurans yang dilindungi akan dibuat daripada Dana Perlindungan Insurans Hayat atau Dana Perlindungan Insurans Am bergantung kepada sama ada ia adalah polisi insurans hayat atau insurans am, manakala pembayaran bagi manfaat takaful yang dilindungi akan dibuat daripada Dana Perlindungan Takaful Keluarga bagi manfaat takaful keluarga atau Dana Perlindungan Takaful Am bagi manfaat takaful am.

4. Bagaimakah dan bilakah pembayaran akan dibuat?

PIDM akan membuat pengumuman awam untuk memaklumkan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans bagaimana cara dan masa pembayaran bagi manfaat takaful dan insurans mereka yang dilindungi di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans akan dibuat. PIDM juga akan menyediakan saluran komunikasi, termasuk Pusat Panggilan dan laman web untuk orang ramai yang ingin mengetahui status manfaat dilindungi mereka.

5. Adakah pemilik sijil takaful dan polisi insurans perlu mengemukakan tuntutan bagi pembayaran manfaat dilindungi?

Sekiranya petisyen bagi penggulungan sesebuah ahli penginsurans didaftarkan, tuntutan perlu dikemukakan kepada PIDM apabila berlakunya peristiwa tuntutan, kematangan atau serahan sijil takaful atau polisi insurans dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pemilik sijil takaful dan polisi insurans akan dimaklumkan mengenai tempoh masa ini oleh PIDM secara bertulis dan menerusi iklan akhbar.

GLOSARI ISTILAH BERGUNA²

6. Bagaimana pula dengan bahagian manfaat takaful dan insurans yang tidak dilindungi di bawah sistem ini?

Sekiranya berlaku pembubaran sesebuah ahli penginsurans, pemilik sijil takaful dan polisi insurans boleh mendaftarkan tuntutan kepada pelikuidasi ahli penginsurans bagi mendapatkan semula amaun yang melebihi had maksimum yang ditetapkan bagi manfaat yang dilindungi di bawah sistem ini dan manfaat takaful dan insurans lain yang tidak dilindungi di bawah sistem ini.

Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM)

Turut dikenali sebagai Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011, yang mula beroperasi pada 31 Disember 2010. Akta ini menggantikan Akta PIDM 2005 yang menerusnya PIDM ditubuhkan pada 2005.

Bank Negara Malaysia (BNM)

Bank Pusat Malaysia adalah sebuah badan berkanun yang mula beroperasi pada 26 Januari 1959, dan ditadbir oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Tuntutan

Sebarang permintaan, tindakan atau apa-apa tuntutan yang dibuat terhadap sesebuah ahli penginsurans berkenaan manfaat takaful atau insurans di bawah suatu sijil takaful atau polisi insurans di bawah tanggungjawab ahli penginsurans, atau dibuat terhadap PIDM berkenaan pembayaran manfaat dilindungi yang layak di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, mengikut keadaan.

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan penyeliaan institusi kewangan, sistem pembayaran dan entiti berkaitan yang lain dan pengawasan pasaran wang dan pasaran pertukaran asing untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan bagi perkara yang berhubungan, berbangkit atau bersampingan dengan.

Mata Wang Asing

Mana-mana mata wang selain Ringgit Malaysia, iaitu mata wang Malaysia.

Sijil Kumpulan/Polisi Kumpulan

Sijil takaful atau polisi insurans yang di bawahnya terdapat tiga hayat sertaan atau orang diinsuranskan hayat atau lebih pada masa sijil atau polisi itu dikeluarkan.

² Mengikut kesesuaian, takrifan dalam bahagian ini adalah berdasarkan Akta PIDM 2011.



Individu

Orang perseorangan.

Manfaat Insurans

Jumlah yang dibayar untuk perlindungan polisi yang ditanggung oleh sesebuah syarikat insurans atas mana-mana individu dalam operasi biasa perniagaan insurans bagi syarikat insurans tersebut.

Syarikat Insurans

Suatu penanggung insurans yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan insurans di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, selain suatu penanggung insurans yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan insurans semula semata-mata dan Danajamin Nasional Berhad.

Polisi Insurans

Polisi hayat atau polisi am.

Orang Diinsuraskan

Seseorang yang berhak kepada suatu manfaat insurans, sama ada orang itu ialah pemilik polisi atau tidak.

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan penyeliaan institusi kewangan Islam, sistem pembayaran dan entiti berkaitan yang lain dan pengawasan pasaran wang Islam dan pasaran pertukaran asing Islam untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan pematuhan Syariah dan bagi perkara yang berhubungan, berbangkit atau bersampingan dengannya.

Orang diinsuraskan hayat

Seseorang yang berkenaan dengannya suatu polisi insurans memperuntukkan perlindungan atas kematian atau kebeterusan hidupnya; atau seseorang yang berkenaan dengannya suatu polisi insurans memperuntukkan perlindungan atas suatu kemalangan, penyakit atau keuzuran, sama ada orang itu adalah pemilik polisi atau tidak.

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

Badan berkanun bebas yang menyediakan perlindungan kepada pendeposit terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua simpanan sekiranya berlaku kegagalan sesebuah bank ahli serta menyediakan perlindungan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans.

Pemilik Polisi

Individu yang mempunyai hak milik sah kepada polisi insurans termasuk pemilik serah hak, wakil persendirian pemilik polisi yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

Risiko Kejadian

Apa-apa kejadian yang berhubungan dengannya suatu sijil takaful atau polisi insurans memperuntukkan suatu manfaat takaful atau insurans.

Syariah

Undang-undang Islam, berdasarkan Quran, Sunnah (ungkapan dan amalan Nabi Muhammad s.a.w.), Ijma' (persetujuan sebulat suara cendekiawan Islam) dan Qiyas (analogi).

Manfaat Takaful

Jumlah yang dibayar untuk perlindungan sijil takaful yang ditanggung pengendali takaful atas mana-mana individu dalam operasi biasa perniagaan takaful bagi pengendali takaful tersebut.

MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI

Sijil Takaful

Kontrak berkenaan takaful keluarga atau takaful am.

Pengendali Takaful

Pengendali takaful yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan takaful di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, selain suatu pengendali takaful yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan takaful semula semata-mata dan suatu pengendali takaful antarabangsa.

Pihak Ketiga

Seseorang, yang bukan beneficiari takaful atau orang diinsuranskan, yang terhadap tuntutannya seseorang beneficiari takaful atau orang diinsuranskan ditanggung rugi di bawah suatu sijil takaful am atau polisi insurans am.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut:

- Hubungi talian maklumat bebas tol PIDM: **1-800-88-1266** pada Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi hingga 5.30 petang.
- Emel kepada **info@pidm.gov.my**
- Layari laman web PIDM di **www.pidm.gov.my**
- Alamat surat-menyerat PIDM:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Aras 12, Menara Axiata
No. 9, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

Atau:

P. O. Box 13071
50798 Kuala Lumpur

No Tel: +603-2173 7436
No Faks: +603-2173 7527 / 2260 7432

NOTA

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Aras 12, Axiate Tower, No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.
Telefon : 603-2173 7436
Faks : 603-2173 7527 / 2260 7432
Talian Bebas Tol : 1800 88 1266
Laman Web : www.pidm.gov.my